

**SYARAT-SYARAT TENDER BERSEPADU
KENDERAAN LUCUT HAK KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BIL. 1/2024**

1. Tawaran hendaklah dibuat atas nama petender / syarikat mengikut borang tawaran (Lampiran 2) yang dikeluarkan. Borang tawaran boleh diperolehi dengan percuma di mana-mana Pejabat Kastam Diraja Malaysia (Bahagian Penguatkuasaan) yang terlibat dalam tawaran tender dan boleh dimuat turun di Laman Web (www.customs.gov.my).
2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan deposit tender 10% dari harga tawaran (bukan 10% daripada harga simpanan) **atau** tertakluk kepada **had minima RM 25.00** dan **maksima RM 10,000.00**.
3. Deposit tender hendaklah dibuat dengan menggunakan **Kiriman Wang / Banker's Cheque / Bank Draft** sahaja atas nama '**Ketua Pengarah Kastam**'. Deposit, lokasi peti tender dan pembayaran baki 90% bagi petender berjaya adalah seperti **Jadual 1** di bawah:

Lokasi Petender	Lokasi Kenderaan	Pembayaran Deposit (10%)	Lokasi Peti Tender	Pembayaran Baki (90%)
Semenanjung	Semenanjung	Mana-mana Pejabat Juruwang kecuali Sabah, Sarawak & WP Labuan	Pejabat Stor Penguatkuasaan JKDM (rujuk Lampiran A)	Dibayar di Pejabat Juruwang di mana kenderaan itu berada
	Sabah, Sarawak & WP Labuan	Dibayar di Pejabat Juruwang di mana kenderaan itu berada		
Sabah, Sarawak & WP Labuan	Semenanjung	Dibayar di Pejabat Juruwang di mana kenderaan itu berada		
	Sabah, Sarawak & WP Labuan			

JADUAL 1

4. **Resit rasmi (asal), salinan fotokopi kad pengenalan yang diakui sah / SSM yang diakui sah dan salinan penyata bank yang diakui sah** hendaklah dikepilkan bersama-sama Lampiran 1 dan 2 **serta** dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan bertulis dengan perkataan "**TENDER BERSEPADU KENDERAAN LUCUT HAK KASTAM BIL. 1/2024**" di sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada **Pengarah Kastam Negeri**, seperti Lampiran A.

5. Pemulangan deposit tender bagi petender gagal akan diproses selepas sahaja keputusan tender dimaklumkan. **Salinan resit rasmi yang telah diakui sah hendaklah disimpan oleh petender.**
6. Deposit petender yang berjaya tidak akan dikembalikan dan akan diselaraskan dengan baki harga tawaran.
7. Petender hendaklah mengisi lengkap **Borang Maklumat Pembayaran Deposit** (Lampiran 1) dan disertakan semasa membuat pembayaran di kaunter Juruwang JKDM Negeri berkaitan. Lampiran 1 tersebut akan disahkan penerimaan oleh Juruwang. Di bahagian belakang Kiriman Wang / Banker's Cheque / Bank Draft hendaklah dicatatkan nama penuh petender / syarikat, no. kad pengenalan / ROB / ROC dan alamat. Sekiranya terdapat percanggahan butiran petender / syarikat pada Lampiran 1 dan Lampiran 2, boleh menyebabkan tawaran tender tidak dipertimbangkan. Bayaran deposit tender secara tunai, cek persendirian, cek syarikat **tidak boleh diterima**.
8. Setiap petender mesti menggunakan borang maklumat pembayaran deposit (Lampiran 1), borang tawaran (Lampiran 2) dan resit rasmi (asal) yang berasingan. **(1 Lot Kenderaan, 1 Borang Tawaran, 1 Deposit Tender). Sekiranya terdapat penggunaan resit deposit yang sama bagi lot yang berlainan, penyertaan tender tersebut akan dibatalkan.**
9. **Petender wajib mengisi semua maklumat dengan betul, jelas dan lengkap dalam borang tawaran.** Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan. Petender hendaklah menyatakan dengan jelas alamat surat menyurat terkini. Harga tawaran mestilah ditulis dalam bentuk angka dan perkataan di dalam borang tawaran, bilangan nombor lot serta butiran kenderaan yang hendak ditender.
10. Borang tawaran boleh dihantar melalui kurier / pos / serahan tangan dan **perlu dimasukkan ke dalam peti tender sebelum / pada 12.00 tengahari 18 April 2024.**
11. Harga tawaran adalah harga bersih. Petender yang berjaya tidak dikenakan Cukai Kerajaan yang berkenaan seperti **Duti Eksais, Duti Import dan Cukai Jualan**. Bagi kenderaan import / import terpakai petender juga tidak perlu mengemukakan **Lesen Import (AP)**.
12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang tertinggi atau sebaliknya. Keputusan tawaran ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat mengenai rayuan tidak akan dipertimbangkan.

13. Semua kenderaan dijual “**sebagaimana**” (*as is*) “**di mana**” (*where is*) **basis**. Petender-petender hendaklah berpuashati dengan keadaan kenderaan-kenderaan ini sebelum menyertai tawaran.
14. Kerajaan juga tidak menjamin keadaan mutu, kualiti atau butir-butir mengenai kenderaan tersebut serta tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
15. Tempoh sah laku Tender Bersepadu Kenderaan Lucut Hak Kastam Malaysia Bil. 1/2024 adalah 90 hari dari tarikh tutup tender.
16. Jabatan tidak akan mengembalikan deposit jika petender menarik balik tawaran tender dalam tempoh sahlaku tender.
17. Petender yang berjaya dikehendaki menjelaskan pembayaran sepenuhnya baki tawaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat pemberitahuan tawaran tender berjaya. Jika petender gagal berbuat demikian, deposit tidak akan dikembalikan.
18. Bagi petender berjaya dan telah membuat bayaran sepenuhnya, kenderaan hendaklah diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh bayaran dibuat. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan kenderaan tersebut tanpa notis.
19. Pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang sedang berkhidmat tidak dibenarkan menyertai tawaran tender ini.
20. Semua urusan berkaitan tender ini adalah dikendalikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sendiri tanpa melibatkan mana-mana agensi lain atau lantikan mana-mana pihak ketiga atau orang tengah.
21. Petender berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja pembaikan terhadap kenderaan-kenderaan yang berjaya ditender di dalam kawasan stor / tempat kenderaan disimpan.
22. Kenderaan-kenderaan boleh dilihat di stor penguatkuasaan / tempat simpanan **bermula 26 Mac 2024 hingga 9 April 2024 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.00 petang (kecuali Hari Kelepasan Mingguan & Cuti Am).**
23. Petender / Pihak Syarikat yang ingin melihat kenderaan-kenderaan tersebut diminta mendapatkan Pas Pelawat atau kebenaran daripada Pengawal Keselamatan / Pegawai Kastam yang bertugas. **Alamat stor / tempat simpanan kenderaan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.**


24. Untuk keterangan lanjut sila hubungi mana-mana Pejabat Kastam Diraja Malaysia yang terlibat dengan tawaran tender melalui telefon sepertimana di **Lampiran A**.
25. Semua kenderaan yang ditawarkan adalah kenderaan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia.
26. Petender berjaya wajib menukar hakmilik kenderaan tersebut daripada nama Ketua Pengarah Kastam Malaysia kepada nama Petender yang menerima tawaran dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyerahan.
27. Sebarang saman, denda atau kompaun ke atas kenderaan yang berjaya dibida selepas penyerahan kenderaan adalah menjadi tanggungjawab petender yang berjaya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RIBUAN BIN ABDULLAH)

m.t.t. Timbalan Ketua Pengarah Kastam

(Penguatkuasaan & Pematuhan)

b.p. Ketua Pengarah Kastam Malaysia